

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]

TARIKH : 25 Julai 2017

SOALAN : (Dr. Ismail Bin Daut) minta **MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI** menyatakan:-

Tindakan yang akan diambil untuk
menangani masalah kekurangan
kawasan penanaman padi khususnya
di kawasan Merbok.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian sedar bahawa pada masa ini ancaman pembangunan kawasan padi semakin meningkat di Negeri Kedah termasuk di Merbok. Dalam usaha menangani masalah kekurangan kawasan penanaman padi ini, Kerajaan negeri sebenarnya bertanggungjawab untuk mengezonkan kawasan penanaman padi. Bagi memastikan ubah syarat penggunaan tanah, pihak MADA perlu dilibatkan di dalam Mesyuarat Kebenaran Merancang (KM) bersama Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan sesuatu pembangunan di kawasan sawah berhampiran tidak menjejaskan aktiviti tanaman padi di kawasan tersebut.